UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# PEKELILING NAIB CANSELOR

RECEIVED
16 JAN 2017
PEJABAT REKTOR
Universiti Teknologi MARA (Terengganu)

Bilangan 11 Tahun 2016

## LANTIKAN SECARA KEHORMAT BAGI PENSYARAH YANG TELAH BERSARA SECARA PILIHAN ATAU BERSARA PAKSA

TERENGGANU
24 JAN 2017
BAHAGIAN HR

### TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan mengenai Lantikan Secara Kehormat bagi pensyarah selepas bersara secara pilihan atau bersara paksa.

### LATAR BELAKANG

2. Lantikan Secara Kehormat adalah bagi mengiktiraf ahli akademik yang telah bersara secara pilihan atau paksa dari UiTM atau Universiti Awam lain yang masih berminat dan boleh memberikan sumbangan akademik kepada universiti berdasarkan prestasi yang baik sebelum bersara secara pilihan atau bersara paksa.

3. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-154 pada 20 September 2016 telah meluluskan cadangan lantikan dan syarat-syarat perkhidmatan Lantikan Secara Kehormat seperti lampiran 1.

### PELAKSANAAN

4. Pelantikan ini adalah terpakai kepada seluruh sistem UiTM.

TARIKH DIKELUARKAN

5. Pekeliling ini dikeluarkan pada **01 Januari 2017**.

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada **01 Januari 2017**.

PROFESOR EMERITUS DATO' DR HASSAN SAID
Naib Canselor

*Dikelilingkan kepada:*
*Semua Timbalan Naib Canselor*
*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit*
*Semua Dekan-Dekan Fakulti*
*Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

| | | |
|---|---|---|
| *Bil. Fail* | : | *100-BPD(BPPS 6/2)* |
| *No Siri* | : | *100-UiTM(NC 6/2)* |

Lampiran 1

## CADANGAN LANTIKAN SECARA KEHORMAT BAGI PENSYARAH YANG TELAH BERSARA

| Jenis Lantikan | Definisi | Kriteria | Skop dan Peranan | KPI | Tempoh Lantikan | Faedah | Penetapan Emolumen | Kuasa Melulus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Profesor Kehormat (*Honorary Profesor*)<br><br>Profesor Madya Kehormat (*Honorary Associate Profesor*)<br><br>Pensyarah Kanan Kehormat (*Honorary Senior Lecturer*) | Ahli akademik yang telah bersara secara pilihan atau paksa dari UiTM atau Universiti Awam yang lain tetapi masih berminat memberikan sumbangan akademik kepada universiti dan mempunyai kepakaran yang diiktiraf dalam bidang-bidang berkaitan. | Jawatan berkaitan akademik kanan atau kelayakan akademik sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana berkaitan bidang kepakaran<br><br>atau<br><br>telah memberikan sumbangan dalam kerjaya atau bidang sama ada pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan sumbangan profesional | Terlibat dalam mana-mana sumbangan berikut<br>• Proses pengiktirafan daripada badan-badan profesional bagi program-program berkaitan<br>• Menjalankan kerjasama antara PTJ dengan industri serta masyarakat<br>• Aktiviti penyelidikan dan perundangan<br>• Pembangunan pelan strategik universiti bagi penjanaan pendapatan<br>• Sebagai mentor kepada pensyarah baharu<br>• Menyumbang kepada penulisan bagi tujuan penerbitan<br>• Khidmat nasihat dalam pembangunan kurikulum, silibus program pengajian | Terlibat dalam pengajaran dan penyeliaan<br><br>atau<br><br>terlibat dalam mendapat geran atau penjanaan projek-projek baharu di Fakulti/PTJ<br><br>atau<br><br>terlibat dalam proses jaringan dengan pihak industri<br><br>atau<br><br>terlibat dalam penghasilan penerbitan dalam jurnal berimpak tinggi<br><br>atau | Lantikan selama 1 tahun dan boleh dipertimbangkan untuk dilantik semula tertakluk kepada pemeriksaan kesihatan yang baik. | **Faedah Perubatan:**<br>Rawatan untuk diri sendiri sahaja di Pusat Kesihatan UiTM<br><br>**Kemudahan:**<br>Perpustakaan UiTM<br><br>Penggunaan Alamat Rasmi UiTM<br><br>Penggunaan e-mel rasmi UiTM<br><br>Kemudahan Internet UiTM<br><br>Pelekat Kenderaan UiTM<br><br>Kemudahan bilik | Tiada implikasi kewangan daripada universiti | Majlis Sumber Manusia |

| Jenis Lantikan | Definisi | Kriteria | Skop dan Peranan | KPI | Tempoh Lantikan | Faedah | Penetapan Emolumen | Kuasa Melulus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | dan pentaksiran pelajar<br>• Menyampaikan kuliah/ syarahan dalam bidang kepakaran mengikut keperluan fakulti<br>• Lain-lain aktiviti yang ditentukan oleh Fakulti/PTJ<br><br>(Tidak boleh dilantik atau memegang sebarang jawatan pentadbir akademik di UiTM/Fakulti) | terlibat dalam penghasilan penyelidikan atau produk penyelidikan yang bertahap komersil | | | | |

**MEMO KETUA**
PEJABAT REKTOR

KEPADA

TARIKH: NO.RQM: 96

BUTIRAN ARAHAN KETUA BAHAGIAN:

U.T: Semua PTJ

HEA
HEP
PJIA
BPF
PUSTAKA
BENDAHARI
PENTADBIRAN.
UiTM B.B
UiTM K.T